

Rezeki musim 'ikan naik lik'

11/11/2024 09:21

Pelbagai spesies ikan sungai mudah ditangkap dijual dari RM10 hingga RM180 sekilogram

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

November, Disember dan Januari memberi limpahan rezeki bagi pemburu ikan sungai apabila pelbagai spesies ikan sungai mudah diperolehi untuk dijual.

Rohayu Sudin, 38, dari Kampung Dura di sini, berkata, musim sekarang dipanggil 'ikan naik lik' berikutan air di bahagian hulu lebih besar sekali gus memudahkan ikan sungai untuk didapati.

Menurutnya, antara spesies ikan sungai yang biasanya diperolehi seperti ikan kelah, tegalan, sebau, baong, temoleh, peras, patin dan ikan ubi.

Katanya, ikan itu dijual serendah RM10 hingga RM180 sekilogram bergantung kepada spesies dan yang paling mahal adalah ikan kelah.

"Namun, bukan setiap hari ikan-ikan berkenaan diperolehi kerana ia bergantung kepada lokasi pencarian yang mana biasanya adik saya Rossilan, 34, yang mencarinya.

"Apabila di bawah pulang, saya akan menjualnya bagaimanapun hasil yang diperolehi biasanya tidak menentu namun tradisi apabila ikan naik lik sepanjang tiga bulan pada musim tengkujuh ini akan mendatangkan hasil buat kami sekeluarga," katanya.

Menurutnya, tradisi ikan naik lik ini diwarisi sejak turun temurun namun hanya yang berkelapangan akan melakukan aktiviti itu untuk mendapatkan hasil sama ada untuk dijadikan hidangan keluarga atau di-



SEBAHAGIAN ikan sungai yang mudah ditangkap sepanjang musim 'ikan naik lik.'

jual.

Katanya, adiknya adalah pemandu rumah bot di Tasik Kenyir dan apabila mempunyai masa terluang akan ke hulu sungai untuk mendapatkan ikan kerana pada musim sekarang ikan sungai mudah diperolehi.

Rohayu berkata, ikan kelah dijual dengan harga RM180 sekilogram (kg), tegalan (RM60), lampan, sebau dan baong (RM25), temeloh (RM90), ikan Ubi (RM80), peras (RM15) dan ikan patin RM10 sekilogram.

Menurutnya, tahun-tahun sebelum ini ikan yang diperolehi turut dijadikan ikan salai sebelum dijual namun tahun ini belum sempat disalai ia sudah ha-

bis dijual.

Katanya, permintaan terhadap ikan sungai amat tinggi kerana kesukaran untuk mendapatkannya di pasaran justeru tiba-tiba merupakan sumber rezeki penduduk berhampiran sungai dan tasik.

Tambahnya, selain adiknya abang iparnya Mohammad Ismail, 49, juga menangkap ikan sepanjang musim ikan naik lik dan sepanjang November, Disember dan Januari aktiviti itu akan dilakukan sejak dahulu lagi.

"Musim tengkujuh merupakan lubuk rezeki bagi kami dan tradisi ini akan dituruti oleh generasi ke generasi," katanya.



ROHAYU menunjukkan ikan kelah yang saiznya sebesar kanak-kanak. - Gambar/NAZDY HARUN